

11.4 tan lebih makanan diselamatkan, 11.9 tan dikompos

KUALA LUMPUR – Sebanyak 11,483 kilogram (kg) lebih makanan berjaya diselamatkan dengan anggaran nilai hampir RM140,000 melalui program MySaveFood di bawah inisiatif Sifar Sisa di Bazar Ramadan 2025.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan, nilai tersebut turut menyumbang pengurangan pelepasan karbon dioksida (CO₂) sebanyak 21,532kg.

“Program ini dilaksanakan bermula 5 hingga 26 Mac di 12 lokasi bazar Ramadan sekitar ibu negara termasuk Jalan Wangsa Delima, Sri Rampai, Jalan 3/27A Seksyen 1, Bazar TLK Taman Tasik Permaisuri dan Bazar TLK hadapan UTC Sentul.

“Selain itu, program turut dilaksanakan di bazar Pusat Penjaja Bazaria Pantai, Kampong Bharu (Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Uda), Jalan Dato Senu 18, Danau Kota



Pelaksanaan inisiatif Sifar Sisa di Bazar Ramadan 2025 berjaya menyelamatkan 11.4 tan lebih makanan dan 24 tan berjaya dikitar semula.

(Jalan 3A/6, 4A/6 dan 5A/6) serta Jalan 1/76C dan 3/76D di Desa Pandan,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu, DBKL berkata, sebanyak 11,990kg sisa makanan dihantar ke pusat pengomposan manakala 24,061 kg sisa bukan makanan dikitar semula menerusi program Pengasingan Sisa Makanan dengan kerjasama Alam

Flora Sdn Bhd.

“Objektif utama program ini untuk mengurangkan jumlah sisa organik dihantar ke tapak pelupusan selaras matlamat DBKL mencapai sifar sisa menjelang 2040.

“Hasil pelaksanaan inisiatif ini menunjukkan pencapaian memberangsangkan apabila mengurangkan jumlah sisa dihantar ke tapak pelupusan dan mengelak pembaziran berterusan,” katanya.